

## FAKTOR PERTAMBAHAN MUALAF DI NEGERI SABAH: SATU SOROTAN

### THE FACTORS FOR THE INCREASING OF MUALAF IN SABAH: A HIGHLIGHT

Mohd Zulfikaar Azizi Bin Aliakbar<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: zulfikaarazizi@ums.edu.my)

#### Article history

Received date : 13-3-2024  
Revised date : 14-3-2024  
Accepted date : 2-4-2024  
Published date : 15-4-2024

#### To cite this document:

Aliakbar, M. Z. A. (2024). Faktor pertambahan mualaf di negeri Sabah: Satu sorotan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (61), 608 – 617.

**Abstrak:** Bilangan umat Islam di Malaysia sentiasa mengalami pertambahan dari semasa ke semasa. Antara punca berlakunya pertambahan umat Islam di Malaysia khususnya di Sabah adalah kerana berlakunya pertambahan golongan mualaf. Kenyataan ini dikukuhkan lagi berdasarkan statistik mualaf yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) yang menunjukkan bahawa bilangan mualaf yang didaftarkan secara rasmi sentiasa bertambah tahun demi tahun. Sabah juga merupakan negeri yang mencatatkan pertambahan mualaf tertinggi di Malaysia melebihi negeri-negeri lain. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang memberi dorongan kepada peningkatan jumlah mualaf di Sabah. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan bentuk kajian kepustakaan. Melalui pendekatan kajian kepustakaan, kajian ini akan merentasi teks-teks ilmiah, artikel dakwah, dan sumber literatur relevan untuk merangkum pemahaman terkini tentang faktor pertambahan mualaf di negeri Sabah. Kajian ini merumuskan antara faktor utama yang menyumbang kepada pertambahan mualaf di negeri Sabah adalah usaha dakwah yang subur, meneladani akhlak Islam, perkahwinan campur, dan kolaborasi antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

**Keywords:** Mualaf, Negeri Sabah, Dakwah, Islam.

**Abstract:** The number of Muslims in Malaysia is constantly increasing from time to time. One of the reasons for the increase in Muslims in Malaysia, especially in Sabah, is due to the increase in the number of mualaf. This statement is further reinforced based on the conversion statistics issued by the Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) which show that the number of officially registered mualaf is constantly increasing year after year. Sabah is also the state that recorded the highest increase in mualaf in Malaysia above other states. Thus, this study aims to examine the factors that give impetus to the increase in the number of mualaf in Sabah. This study was conducted qualitatively in the form of a literature review. Through a bibliographic research approach, this study will cross scholarly texts, preaching articles, and relevant literature sources to summarise the latest understanding of the factors contributing to the increase of mualaf in the state of Sabah. This study concludes that among the main factors that contribute to the increase of mualaf in the state of Sabah are fertile da'wah

*efforts, showing Islamic morals, intermarriage, and collaboration between government and non-government agencies.*

**Keywords:** *Mualaf, State of Sabah, Da'wah, Islam.*

---

### Pengenalan

Islam di Malaysia telah mengalami pertumbuhan yang signifikan dalam beberapa dekad terakhir, mencerminkan minat yang semakin meningkat terhadap agama ini di kalangan penduduk tempatan. Peningkatan ini khususnya disebabkan oleh pertambahan jumlah mualaf, individu yang memilih untuk memeluk agama Islam. Fenomena ini bukan sahaja memberikan warna pelbagai kepada landskap keagamaan negara tetapi juga mencerminkan dinamika budaya dan sosial yang berkembang.

Pertambahan jumlah mualaf telah menjadi fenomena menarik di pelbagai kawasan termasuklah di negeri Sabah, Malaysia. Fenomena ini mencetuskan minat bagi para pengkaji, para pendakwah, dan pihak berkuasa tempatan untuk memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan komuniti mualaf di wilayah ini. Negeri Sabah sebagai satu-satunya negeri di Malaysia yang menduduki bahagian utara pulau Borneo, memainkan peranan yang unik dalam dinamika keagamaan negara ini.

Terdapat kajian berkenaan mualaf yang dijalankan sebelum ini tetapi kebanyakannya hanya mengulas berkenaan sejarah pertambahan umat Islam di negeri Sabah dan beberapa isu yang melibatkan golongan mualaf. Contohnya kajian yang dijalankan oleh Suraya Sintang (2005), Abd Hadi Borham *et al.*, (2021), Suraya Sintang *et al.*, (2019), Abdul et al., (2020), Mohd Nur Hidayat & Ibnor Azli (2019), dan beberapa pengkaji lain. Faktor-faktor pertambahan mualaf di Sabah yang menjadi perbincangan di dalam penulisan-penulisan yang dinyatakan di atas hanya berkisar mengenai kedatangan awal agama Islam di Sabah dan seterusnya mengaitkan peranan USIA dalam meningkatkan komposisi umat Islam di negeri Sabah bermula pada tahun 1970.

Selain itu, kajian-kajian lain yang ditemui melibatkan penganutan agama Islam dan kristian dalam kalangan masyarakat Kadazan Dusun (Suraya Sintang, 2003), strategi Kristianisasi di daerah Kota Marudu (Bainol, 2018), skim bantuan zakat kepada mualaf di negeri Sabah (Nor Alhana et al., 2022), kajian berkenaan cabaran dan permasalahan mualaf di negeri Sabah (Suraya Sintang *et al.*, 2018; Abd Hakim et al., 2016; Zulkefli Aini et al., 2015), dan kajian berkenaan pengetahuan dalam beragama (Sarip Abdul, 2014; Sarip Abdul *et al.*, 2015). Jika dilihat kepada contoh-contoh yang dinyatakan di atas, kajian mengenai faktor pertambahan mualaf di negeri Sabah masih belum dibincangkan secara khusus dan terperinci.

Oleh itu, kajian ini bermatlamat untuk menyumbang kepada literatur khususnya dalam konteks negeri Sabah dengan mengkaji faktor-faktor yang mendorong kepada pertambahan mualaf. Dengan memahami dinamika ini, kita dapat membentuk pendekatan yang lebih baik dalam menyediakan program-program pembelajaran agama dan aktiviti dakwah yang berkesan.

### Metodologi

Dalam konteks penyelidikan, metodologi merupakan langkah-langkah atau kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mencari, mengumpul dan menganalisis data bagi mencari jawapan atau penyelesaian berdasarkan objektif yang telah digariskan oleh pengkaji dalam

menjalankan sesebuah penyelidikan. Untuk memulakan sesuatu kajian, rekabentuk kajian memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan pelaksanaan kajian mengikut landasan penyelidikan yang betul. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif dengan bentuk kajian kepustakaan. Data-data akan diperoleh daripada sumber rujukan autentik seperti buku, makalah, kajian-kajian lepas, tesis, artikel, jurnal ilmiah, dan keratan akhbar.

### **Sejarah Kedatangan Islam di Negeri Sabah**

Negeri Sabah, terletak di bahagian timur Malaysia, adalah sebuah wilayah yang kaya akan kepelbagaian etnik, budaya, dan latar belakang agama. Sebagai salah satu negeri berbilang kaum di Malaysia, Sabah memainkan peranan yang signifikan dalam memperkaya landskap sosio-kultural negara ini. Keanekaragaman etnik di Sabah mencerminkan realiti harmoni antara pelbagai masyarakat yang tinggal di wilayah ini.

Seterusnya, negeri ini dihuni oleh lebih daripada 33 kumpulan peribumi, termasuk Kadazan-Dusun, Bajau, Murut, dan banyak lagi (Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah). Setiap kelompok etnik membawa dengan mereka warisan budaya yang unik, mulai dari seni dan tradisi hingga bahasa dan adat istiadat. Dinamika sosial yang berkembang di Negeri Sabah menjadi cerminan keharmonian antara pelbagai komuniti etnik yang bersama-sama membentuk identiti kebangsaan Malaysia.

Jika dilihat pada catatan sejarah, hakikatnya penduduk asal negeri Sabah tidak menganut sebarang agama. Mereka dikategorikan sebagai orang pagan (*paganisme*). Kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Sabah sebelum menerima pengaruh agama adalah kepercayaan animisme. Animisme merupakan suatu kepercayaan bahawa setiap sesuatu yang wujud di muka bumi mempunyai jiwa atau roh (Khairulnazrin & Muhammad Syafee, 2018: 81). Oleh yang demikian, pertambahan mualaf di negeri Sabah berlaku sejak sebelum kemerdekaan lagi.

Menurut sumber awal, kedatangan Islam di negeri Sabah bermula pada sekitar abad ke-10. Islam dikatakan tersebar di Sabah melalui pengaruh dari Kepulauan Sulu. Cesar Adib Majul (1973) menjelaskan bahawa beberapa pedagang Arab telah bermigrasi ke suatu tempat yang dikenali sebagai Mai (Mindoro) di Kepulauan Sulu. Sejarah juga mencatatkan bahawa Canton (kini merupakan Guangzhou), China, pernah dikunjungi oleh pedagang Arab yang berasal dari Mai. Fakta ini menunjukkan bahawa komuniti Islam telah wujud di Mai pada waktu tersebut. Kenyataan ini dikukuhkan lagi dengan penemuan batu nisan yang bertarikh 1310 M di Bud Dato, Jolo. Tarikh tersebut membuktikan bahawa Islam telah tersebar lebih awal daripada yang diungkapkan oleh kajian Tom dan Barbara Harrison (1969-1970), yang menyatakan bahawa Islam diperkenalkan di Kepulauan Sulu melalui kedatangan Sharif Awliya' Karim al-Makhdum pada tahun 1380 M (Muhiddin, 1990).

Perkembangan agama Islam menjadi lebih rancak pada era 1970-an ketika kepimpinan YAB Tun Datu Mustapha. Penubuhan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) pada 16 Ogos 1969 memberi impak yang besar dalam meningkatkan komposisi umat Islam di negeri Sabah (Suraya Sintang, 2005). USIA merupakan badan dakwah yang bergerak dengan tersusun dan berstrategi untuk menjadikan umat Islam mendominasi negeri ini sekaligus membawa misi untuk memastikan hak-hak umat Islam kekal terpelihara. Usaha dakwah USIA dilaksanakan ke seluruh kawasan di negeri Sabah tidak kira di kawasan bandar maupun kawasan luar bandar. Usaha Tun Mustapha bukan sahaja telah meningkatkan jumlah orang Islam dari kalangan rakyat biasa, malah turut menarik ahli-ahli politik bukan Islam untuk menerima Islam (Mohd Nur

Hidayat & Ibnor Azli, 2019). Disebabkan usaha dakwah ini dilakukan secara berterusan maka berlakulah fenomena luar biasa sebagaimana yang diketahui umum iaitu pengislaman beramai-ramai (Suraya Sintang *et al.*, 2019). Kejayaan usaha dakwah ini menjadi nyata apabila komposisi umat Islam yang asalnya minoriti iaitu hanya 38.7% pada tahun 1967 menjadi majoriti sebanyak 53% pada tahun 1976 (Mohd Nur Hidayat *et al.*, 2020: 182).

Pada masa kini, usaha dakwah di negeri Sabah terus diperkasakan bersama badan-badan kerajaan yang lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), dan pelbagai badan-badan bukan kerajaan yang giat menyebarkan usaha dakwah di negeri bawah bayu ini.

### Definisi Mualaf


Umumnya seseorang individu akan disebut mualaf apabila seseorang individu tersebut pada asalnya bukan beragama Islam lalu membuat keputusan untuk memeluk Islam. Ahli psikologi agama mendefinisikan istilah mualaf sebagai suatu kumpulan yang terlibat dalam konversi agama iaitu seseorang individu yang mengalami proses perpindahan, penukaran, atau perubahan. Seseorang itu dikira sah sebagai seorang Muslim apabila selesai mengucapkan dua kalimah syahadah di hadapan dua orang saksi yang boleh diterima kesaksianya (Suraya Sintang, 2005: 53). Gelaran mualaf sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat Malaysia bagi mereka yang baru memeluk Islam. Boleh dikatakan bahawa majoriti rakyat Malaysia memahami maksud perkataan tersebut walaupun mereka bukan beragama Islam.

Tambahan lagi, individu yang memeluk Islam dikalangan mereka yang bukan berketurunan Melayu juga masih disebut sebagai mualaf walaupun mereka sudah memeluk Islam sejak sekian lama misalnya 10 hingga 15 tahun (Irwan *et al.*, 2015: 130). Perkara ini sudah menjadi suatu budaya biasa dalam kalangan masyarakat di negeri Sabah kerana setakat ini belum ada had pengukuran bagi golongan mualaf di negeri ini. Oleh itu sesiapa sahaja yang asalnya bukan beragama Islam dan kini memeluk Islam maka individu tersebut disebut sebagai mualaf di Sabah walaupun sudah memeluk Islam sejak sekian lama.

### Statistik Pertambahan Mualaf di Negeri Sabah

Merujuk kepada Data Statistik Kemasukan Islam 2010 hingga 2018 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah keseluruhan pemelukan Islam bagi setiap negeri adalah seramai 89,102 orang. Daripada jumlah tersebut, 20,115 muallaf adalah dari negeri Sabah sekaligus merupakan jumlah tertinggi mendahului negeri-negeri lain di Malaysia (Nur A'thirah, 2021: 197).

Kenyataan tersebut dikukuhkan lagi dengan Data Mualaf yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) yang terkini bermula tahun 2019 hingga 2023 yang turut menunjukkan pertambahan mualaf pada setiap tahun. Berikut adalah gambar rajah data mualaf tersebut;



**Rajah 1: Jumlah Pertambahan Mualaf di Negeri Sabah pada Tahun 2019 hingga 2023**  
 Rujukan: Data Mualaf daripada Unit Pengislaman Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Berdasarkan rajah tersebut, kita dapat menyaksikan bahawa bilangan mualaf di negeri Sabah sentiasa bertambah dengan konsisten tahun demi tahun. Bukan sekadar itu, kadar pertambahan mualaf pada setiap tahun sentiasa melebihi angka 1 ribu bahkan ada tahun-tahun tertentu yang mencecah angka 2 ribu lebih pertambahan mualaf. Jika diperhatikan data tersebut, jumlah kumulatif pertambahan mualaf dari tahun 2019 hingga 2023 adalah seramai 9,582 orang. Ini merupakan suatu angka yang sangat besar menghampiri 10 ribu pertambahan mualaf hanya mengambil masa lebih kurang 5 tahun. Oleh itu, pengkaji merasakan wujudnya keperluan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pertambahan mualaf di negeri ini.

#### Faktor Pertambahan Mualaf di Negeri Sabah

Negeri Sabah merupakan negeri yang unik kerana rakyatnya terdiri daripada pelbagai etnik dan agama. Pola pertambahan umat Islam di Sabah juga berbeza berbanding di negeri semenanjung Malaysia. Misalnya, golongan mualaf di semenanjung Malaysia lazimnya didominasi oleh bukan bumiputera seperti bangsa Cina dan India manakala di Sabah golongan mualaf didominasi oleh orang bumiputera Sabah sendiri ataupun disebut sebagai peribumi Sabah (Suraya Sintang, 2005). Kenyataan tersebut dikukuhkan dengan data mualaf 2010 hingga 2023 yang dikeluarkan oleh JHEAINS mencatatkan bahawa etnik Kadazan Dusun mencatatkan pertambahan mualaf tertinggi pada setiap tahun diikuti dengan Murut, Rungus, Sungai, dan lain-lain (Data Mualaf JHEAINS 2010-2013).

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada pertambahan bilangan mualaf di negeri Sabah antaranya disebabkan usaha dakwah yang subur, meneladani akhlak Islam, perkahwinan campur, dan kolaborasi antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

### Usaha Dakwah yang Subur di Negeri Sabah

Sabah mengalami kemajuan yang pesat sejak mengecapi kemerdekaan pada tahun 1963. Kemajuan yang berjaya dicapai bukan sahaja kemajuan dalam aspek material tetapi juga kemajuan rohani. Perkara ini dibuktikan apabila kita melihat usaha dakwah terus subur hari demi hari di negeri Sabah. Usaha dakwah tersebut tidak akan mampu dilaksanakan oleh individu tertentu sahaja sebaliknya perlu bergerak secara berpasukan dan berjemaah dalam satu barisan.

Oleh yang demikian, pada zaman perkembangan Islam mulai pesat di negeri Sabah, ramai daripada kalangan tokoh-tokoh agamawan Islam berganding bahu untuk menyusun strategi mengembangkan Islam di negeri ini sebaik sahaja memasuki awal abad ke-20 Masihi. Antara gerakan dakwah yang wujud adalah Persatuan Islam Putatan (PIP) yang diasaskan oleh Haji Ag Sahari Abd. Latif, Persatuan Islam Tawau (PIT) yang dipelopori oleh Orang Kaya-Kaya (OKK) Zainal Kerahu, dan Persatuan Islam Sabah (PIS) yang digerakkan oleh Datuk Haji. Mohd Kassim Bin Haji Hasyim (Syamruddin & Abd. Ghofur, 2017). Walau bagaimanapun, gerakan-gerakan ini tidak bertahan lama kerana bergerak secara terpisah antara satu sama lain. Melihat keadaan ini, YAB Tun Datu Mustapha mengumpulkan semua tokoh-tokoh agamawan daripada pelbagai gerakan Islam di negeri Sabah untuk membincangkan mengenai hala tuju dakwah negeri Sabah. Akhirnya kesemua gerakan dakwah ini berjaya dihidupkan dan disatukan kembali di bawah penubuhan USIA pada tahun 1970.

Institusi pendidikan agama juga tumbuh semakin pesat di negeri Sabah. Bilangan masjid dan surau yang semakin bertambah dan kelas-kelas agama yang dianjurkan oleh JHEAINS turut menjadi suatu sistem sokongan (*support system*) yang amat membantu dalam usaha memperkuuhkan agama Islam di negeri ini (Suraya Sintang *et al*, 2009). Sekolah-sekolah agama, sekolah pondok, dan madrasah juga bertambah dengan sangat pesat di negeri Sabah umpama cendawan tumbuh selepas hujan. Permintaan daripada kalangan ibu bapa untuk mendaftarkan anak-anak mereka ke sekolah agama sangat memberangsangkan sehingga ada sekolah-sekolah agama yang terpaksa menolak beratus-ratus pendaftaran lebihan kerana kekurangan tenaga pengajar.

Selain itu, program keagamaan semakin giat dijalankan di setiap kawasan di negeri Sabah. Masjid dan surau kini semakin ‘hidup’ dengan adanya jadual kuliah bulanan dan daurah-daurah kitab yang disusun. Masjid dan surau mampu bergiat aktif kerana semakin ramai para pendakwah yang bersugguh-sungguh untuk menyampaikan ilmu kepada masyarakat. Para pendakwah ini bukan sahaja daripada anak jati negeri Sabah sendiri malah turut ada yang datang dari Semenanjung Malaysia, penceramah jemputan dari Indonesia, Filipina, dan dari kawasan-kawasan lain (Mohd Nur Hidayat, 2022). Ada di kalangan para pendakwah ini yang turut bergiat aktif dalam menyantuni masyarakat yang bukan beragama Islam. Pelbagai aktiviti telah disusun sebagai usaha untuk menarik hati orang bukan Islam untuk memeluk Islam. Kadangkala aktiviti yang disusun hanya bersifat beramah mesra, memberi hadiah ketika hari kebesaran, memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan, ataupun aktiviti santai untuk mengeratkan silaturahim. Usaha dakwah yang subur dan pelbagai di negeri Sabah menyebabkan berlakunya pertambahan mualaf tahun demi tahun. Hal ini selari dengan ucapan menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang mengatakan bahawa negeri Sabah adalah lapangan yang luas dan subur bagi gerak kerja dakwah (Harakah Daily, 2022).

### Meneladani Akhlak Islam

Selain daripada menyusun strategi khusus untuk menyebarkan Islam kepada masyarakat bukan Islam, antara faktor yang didapati menyebabkan orang tertarik untuk memeluk agama Islam adalah kagum dengan akhlak yang diajarkan Islam kepada orang bukan Islam. Kepentingan berakhlak mulia kepada orang berlainan agama sering disampaikan dalam kuliah-kuliah agama di masjid dan surau namun sebahagian daripada umat Islam masih belum menyedari betapa besar peranannya dalam usaha menyebarkan dakwah.

Abd Hadi Borham dan Fakhru Adabi Abdul Kadir (2015) dalam kajian mereka telah membuktikan bahawa salah satu faktor pertambahan mualaf dalam kalangan masyarakat Sabah adalah melalui ketertarikan terhadap akhlak Islam seperti keprihatinan, ziarah menziarahi, tolong menolong sesama masyarakat walaupun berlainan agama, dan juga memberikan bantuan berbentuk material sekadar yang termampu. Akhlak sebegini menyebabkan masyarakat bukan Islam rasa sangat dihormati dan pada masa yang sama mengagumi akhlak seorang Islam kepada orang berlainan agama.

Sebagai contoh di Kampung Pensiangan Sabah, majoriti mualaf di kawasan tersebut telah diislamkan oleh Mohd Fadli Yusof yang merupakan pendakwah aktif dalam menyebarkan Islam di sana. Metod dakwah beliau tidak berfokuskan kuliah atau ceramah agama semata namun beliau mulakan dengan membina hubungan baik terlebih dahulu dengan penduduk kampung (*dakwah bil hal*). Beliau menunjukkan kesungguhan untuk membina masjid, menziarahi rakan-rakan bukan Islam, sering memberikan hadiah kepada mereka, merawat orang kampung yang sakit, mengajak untuk menghadiri majlis kenduri, memberi bantuan kepada yang memerlukan, dan sentiasa berakhlak baik dengan rakan-rakan bukan Islam. Kesannya, penduduk kampung yang bukan Islam sangat tertarik dengan keperibadian beliau kerana sangat baik dengan orang lain walaupun berbeza agama.

Sehingga ada di kalangan penduduk kampung yang menghubungi beliau semata-mata untuk bertanya bagaimana mereka ingin memeluk Islam. Hasil kajian Abd Hadi Borham dan Fakhru Adabi Abdul Kadir (2015) daripada temubual yang dijalankan mendapati bahawa orang bukan Islam di Kampung Pensiangan sangat suka dengan budi pekerti yang Mohd Fadli Yusof tunjukkan. Tutur kata yang lembut dan akhlak Islam yang ditunjukkan menjadi asbab orang bukan Islam terbuka hati untuk memeluk Islam.

### Perkahwinan Campur

Faktor seterusnya yang menyumbang kepada pertambahan mualaf di negeri Sabah adalah kerana budaya kahwin campur yang sudah menjadi kebiasaan bagi sebahagian besar masyarakat negeri ini. Menurut Suraya Sintang (2003), negeri Sabah merupakan sebuah negeri yang mempunyai rekod kahwin campur tertinggi di Malaysia bahkan berkemungkinan besar yang tertinggi di dunia. Oleh yang demikian, budaya kahwin campur ini telah menyebabkan berlakunya pertambahan bilangan umat Islam dan sekaligus mewujudkan suatu jalur keturunan baharu yang beragama Islam bagi sesuatu etnik yang pada asalnya bukan beragama Islam seperti Kadazan Dusun.

Fenomena kahwin campur terbukti memberi sumbangan yang sangat besar dalam pertambahan mualaf di negeri Sabah apabila suatu kajian mendapati bahawa sejak tahun 1994 sehingga tahun 2004 seramai 20,074 masyarakat Sabah telah memeluk Islam dan faktor utama yang menyebabkan angka tersebut begitu besar adalah kerana budaya kahwin campur (Suraya Sintang, 2019). Ning Amirah (2020) dalam kajian beliau turut mendapati bahawa salah satu

daripada sebab mualaf di Sabah memeluk Islam adalah kerana faktor perkahwinan. Hal ini selari dengan ajaran Islam yang mengatakan bahawa salah satu jalan untuk menyebarkan dakwah adalah melalui perkahwinan.

Jika dilihat catatan sejarah pada zaman sebelum penguasaan British di negeri Sabah, antara kaedah yang dilakukan oleh para pendakwah dan pedagang Arab adalah mengahwini anggota keluarga pemerintah. Langkah tersebut mendatangkan kesan yang sangat positif apabila pasangan beragama Islam tersebut dapat memainkan peranan politik yang penting dalam pemerintahan kerajaan (Abd Hadi *et al.*, 2021). Ini mengukuhkan lagi kenyataan bahawa perkahwinan merupakan sebuah metod dakwah yang memberi kesan berpanjangan.

### Kolaborasi antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan

Golongan mualaf merupakan golongan yang perlu diambil berat kerana mereka adalah sebahagian daripada umat Islam dalam negara ini. Mereka perlu dibimbing dan diberikan sokongan yang sepatutnya agar mereka tidak merasa tersisih seolah-olah mereka adalah golongan kelas kedua. Oleh yang demikian, pihak-pihak yang bertanggungjawab perlulah melaksanakan tugas mereka sebaik mungkin agar golongan mualaf dapat disantuni dan dibimbing walaupun mereka tinggal jauh di kawasan luar bandar.

Di Malaysia, seseorang yang membuat keputusan untuk memeluk Islam perlu didaftarkan secara sah di agensi kerajaan yang ditetapkan. Misalnya di negeri Sabah, mereka yang baru sahaja memeluk Islam perlu melalui proses pendaftaran pengislaman secara rasmi di JHEAINS agar pengislaman mereka direkodkan di dalam sistem (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Lebih tepat lagi, JHEAINS telah menubuhkan sebuah unit khusus dinamakan ‘unit pengislaman’. Unit ini ditugaskan untuk menguruskan hal ehwal mualaf bermula daripada proses pendaftaran pengislaman sehingga golongan mualaf menghadiri kelas-kelas bimbingan yang dianjurkan.

Walaupun setiap negeri mempunyai Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam menguruskan hal ehwal mualaf, badan bukan kerajaan (NGO) turut dilibatkan dan mempunyai agihan tugas yang sesuai dengan kemampuan mereka. Perkara ini selari dengan kajian Mohd Aswan & Abdul Ghafar (2021) yang mengatakan bahawa perkembangan Islam dan usaha dakwah ditunjangi oleh gerakan berorganisasi secara bersama atau berjemaah. Sebagai contoh, kesemua negeri di Malaysia menggunakan wang zakat asnaf mualaf sebagai sumber dana utama. Dana tersebut dimiliki oleh JAIN atau MAIN namun kedua badan ini mempunyai had tertentu terutamanya kekurangan tenaga pengajar (*man power*). Disebabkan keadaan tersebut, dana yang dimiliki akan disalurkan kepada NGO yang memohon untuk menjayakan aktiviti berkenaan mualaf (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Misalnya di negeri Sabah terdapat pelbagai NGO yang bergiat aktif dalam menjayakan aktiviti dan kelas bimbingan mualaf seperti Hidayah Centre Foundation (HCF), Pertubuhan Kadazan Dusun Murut Muslim Se-Malaysia (KDMRS MUSLIM), dan lain-lain.

Kolaborasi di antara JAIN, MAIN dan NGO di setiap negeri telah wujud dalam usaha untuk melaksanakan kelas bimbingan mualaf. Kerjasama tersebut lebih menjurus kepada penyelaras silibus dan sebaran maklumat. NGO turut memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan hebahan yang dikeluarkan oleh pihak JAIN atau MAIN. Hal ini kerana NGO mempunyai banyak cawangan di setiap kawasan dan sering melakukan aktiviti-aktiviti mualaf di kawasan pedalaman. Secara kesimpulannya, kolaborasi antara agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan sememangnya wujud di setiap negeri di Malaysia. Keadaan

yang sama berlaku di negeri Sabah apabila JHEAINS bekerjasama dengan pelbagai NGO Islam yang sudah sekian lama bergiat aktif dalam menjayakan program-program mualaf. Kesannya, kekurangan tenaga pengajar di peringkat JHEAINS sedikit sebanyak dapat diatasi dengan adanya bantuan daripada sukarelawan NGO Islam yang terlibat. Kelas-kelas bimbingan mualaf juga dapat dilaksanakan secara lebih meluas di seluruh Sabah sama ada di bandar maupun kawasan luar bandar.

### Kesimpulan

Secara kesimpulannya, terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada pertambahan mualaf di negeri Sabah. Sebahagian daripada mualaf memeluk Islam kerana tertarik dengan keindahan ajaran Islam seperti akhlak mulia yang ditonjolkan oleh umat Islam. Ini membuktikan bahawa pengamalan ajaran Islam yang sebenar mampu menjadi asbab seseorang itu mendapat hidayah daripada Allah. Ajaran Islam juga tersebar ke seluruh pelusuk negeri Sabah hasil daripada usaha dakwah yang giat dijalankan oleh pelbagai pihak di negeri ini. Selain itu, perkahwinan juga menjadi salah satu faktor pertambahan mualaf di negeri Sabah sekaligus membuktikan besarnya peranan perkahwinan dalam menyebarkan dakwah Islamiah. Kerjasama antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan pula boleh dikatakan sebagai ‘nadi’ kepada gerak kerja menguruskan hal ehwal mualaf di negeri Sabah. Dengan memahami faktor-faktor berikut, masyarakat dan pihak berkuasa tempatan di negeri Sabah perlulah merancang dan melaksanakan inisiatif yang sesuai untuk menyokong dan memahami pertumbuhan mualaf di negeri ini.

### Rujukan

- Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. (2021). Metod Dakwah dalam Pengislaman di Sabah Sebelum Era Penguasaan *British Crown Colony. Jurnal Usuluddin*. Universiti Malaya. Jilid 49, Bil. 1, 1-26.
- Abdul bin Imam Basirun, Nur A'thiroh Masyaa'il Abdullah & Abdul Ghafar Don. 2020. Dakwah United Sabah Islamic Association (USIA) Terhadap Mualaf Negeri Sabah Melalui Dakwah Pendidikan. *At-Tahkim*, Vol. 10. No. 05.04. 2020 ISSN No. 2541-3856.
- Cesar Adib Majul. (1973). Muslim in the Philippines. Quezon City: The University of the Philippines Press.
- Data Muallaf 2010 hingga 2023, Unit Pengislaman, Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Harakah Daily*. 28 Januari 2022. Sabah lapangan luas, subur bagi gerak kerja dakwah. Diambil daripada <https://harakahdaily.net/index.php/2022/01/28/sabah-lapangan-luas-subur-bagi-gerak-kerja-dakwah/> pada 2 April 2024.
- Khairulnazrin Nasir, Muhammad Syafee Salihin Hasan. 2018. Kepercayaan Animisme Menurut Perspektif Al-Quran. *Jurnal Pengajian Islam*, Bilangan 11, Isu II, Halaman 80-93.
- Laman Rasmi Kerajaan Negeri Sabah. 2023. Rakyat dan Sejarah Sabah. Diambil daripada <https://sabah.gov.my/ms/content/rakyat-sejarah> pada 8 Mac 2024.
- Mohd Aswan Mohd Amin & Abdul Ghafar Don. (2021). Peranan Organisasi Islam Dalam Gerakan Dakwah Mualaf Di Sabah. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, Bil.1(2), 42-52.
- Muhiddin Yusin. (1990). Islam di Sabah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nur Hidayat, Pg Mohd Faezulfikri & Noor Afiqahathirah. 2020. Tun Mustapha dan Pengukuhan Islam di Sabah: 1963 – 1973. *Akademika*, 90 (1), 181-191.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin & Ibnor Azli Ibrahim. 2019. Tun Mustapha dan Peranannya Terhadap Penetapan Islam Sebagai Agama Rasmi Negeri Sabah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Tamadun & Warisan Islam (TAWIS)*.

- Ning Amirah Malinda Binti Jominal. (2020). Pola Dakwah Lilis Mulyani terhadap Muallaf di Sabah Malaysia. *ANIDA (Aktualisasi Nuansa Ilmu Dakwah)*. Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung. Jilid 20, Bil. 2, 146-164.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Ai Pao. (2021). Cabaran Pasca Kembali Kepada Islam Dalam Kalangan Muallaf Di Malaysia. *Prosiding Sistem Pendidikan Islam Mualaf di Malaysia*. Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS).
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. 2018. *Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan*. Jurnal Usuluddin. Jilid 46, Bil 2. 97-122.
- Suraya Sintang, Budi Anto Mohd Tamring, Siti Aidah Hj. Lukin, Halina Sendera Mohd. Yakin. (2019). Fenomena Agama Di Pedalaman Sabah, *Journal of History Department*, University of Malaya, No. 28 (2) 2019: 187-199; ISSN 1985-0611.
- Suraya Sintang. (2005). Sejarah Perkembangan Mualaf Di Sabah :Peranan Dan Sumbangan United Sabah Islamic Association (USIA). *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil I (2005) 51-90.
- Suraya Sintang. (2003). Penganutan Agama Islam dan Kristian dalam Kalangan Masyarakat Kadazan Dusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin*, Bil. 18, 59–80.
- Syamruddin Nasution & Abd. Ghofur. 2017. Perkembangan Islam Di Sabah Malaysia (Perspektif Sosio-Historis). *TOLERANSI: Media Ilmiah Komunikasi Umat Beragama*, Bil.9, No.(2), 152-183.
- Statistik Mualaf 2021 hingga Julai 2023, Unit Pengislaman, Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Tom dan Barbara Harrison. (1970). The Prehistory of Sabah. Monograph Volume IV. *Sabah Society Journal*. Kota Kinabalu.